



Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: PM(S).10034 Jld.V(13)

Tarikh: 30 Januari, 1990.

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian,
Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri,
Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan,
Ketua-Ketua Badan Berkanun Persekutuan.

SURAT PEKELILING AM BIL. 1 TAHUN 1990
PENYERAGAMAN REKABENTUK BANNER MALAYSIA

1. TUJUAN

1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan tentang rekabentuk Banner Malaysia yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Akhir-akhir ini berbagai-bagai bentuk Banner Malaysia telah digantungkan bagi tujuan menghias jalan, bangunan dan sebagainya. Keadaan ini telah menimbulkan keraguan orang ramai dan berbagai pihak tentang rekabentuk sebenar Banner Malaysia kerana Banner-banner tersebut telah direka sendiri mengikut interpretasi masing-masing berdasarkan Bendera Malaysia.

3. REKA BENTUK BANNER MALAYSIA

3.1 Sebagai langkah menyeragamkan bentuk-bentuk Banner yang ada, Kerajaan telah memutuskan bahawa Banner Malaysia hendaklah mempunyai satu bentuk sahaja. Reka bentuk yang ditetapkan ialah:-

(i) Banner Malaysia hendaklah membujur dari atas kebawah dan mempunyai 2 bahagian.

Bahagian Atas hendaklah mengandungi Bulan Bintang berwarna kuning yang menghala ke atas berlatarbelakangkan warna biru.

Bahagian Bawah hendaklah mengandungi 14 jalur-jalur merah putih membujur dari atas ke bawah.

(ii) Warna-warna yang digunakan hendaklah warna-warna yang sama dengan Bendera Malaysia iaitu merah, putih, kuning dan biru.

(iii) Ukuran biasa bagi Banner Malaysia ialah 12 kaki panjang dan 3 kaki lebar atau pada nisbah 4:1.

Lampiran A ialah contoh Banner Malaysia seperti yang ditetapkan.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Rekabentuk Banner yang ditetapkan ini hendaklah digunakan bagi pembuatan Banner yang baru bermula daripada tarikh surat'pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.


' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

' CINTAILAH BAHASA KITA '



(TAN SRI DATO' SALLEHUDDIN BIN MOHAMED)
Ketua Setiausaha Negara.

BANNER MALAYSIA



A. Bahagian Atas:

Bulan Bintang berwarna kuning yang menghala ke atas dengan berlatarbelakangkan warna biru.

B. Bahagian Bawah

Jalur-jalur merah putih yang sama lebarnya berjumlah 14 jalur membujur dari atas ke bawah.

C. Ukuran

Ukuran biasa ialah 12 kaki panjang dan 3 kaki lebar atau nisbah 4:1

D. Warna

Warna-warna yang digunakan ialah warna yang sama dengan Bendera Malaysia.